

PROFIL DEMOGRAFI MANGSA BENCANA DI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

Norsimah Dasan, Laila Wati Madlan @ Endalan¹, Norhamidah Jarimal @ Safri, Risalshah Latif, Habibie Ibrahim & Nur Fardha Ayu binti Jusnih

Universiti Malaysia Sabah

Faridah binti Awang

Institut Sosial Malaysia

Abstract

This study involved five locations, namely the states of Sabah, Selangor, Kelantan, Terengganu and Pahang, with 262 respondents. The research tool used is a questionnaire formed by the research group, the Social Work Scale for Disaster Management in PPS (SKSPB- PPS). This research tool consists of Part (A) Demographics and Part (B) Disaster Management Social Work Components, which contain seven components. The questionnaire was distributed online for the victims to complete the form at their convenience. In terms of demographic distribution, men who seek protection in PPS were more dominant than women, with more than 54 men compared to female respondents. Most respondents work as government employees. Most respondents are the Bumiputera of Sabah, followed by the Malays and then among the Bumiputera of Sarawak. In addition, married respondents recorded the most significant number, more than half compared to single or widowed respondents. Most victims are placed in PPS, such as Community Hall and schools gazetted by the State Social Welfare Department. The type of disaster experienced is flood disaster, followed by fire disaster, wind and storm and landslide disaster.

Keywords: Demographic profile, location, types of disaster, Temporary Displacement Centre

Abstrak

Kajian ini melibatkan lima buah lokasi iaitu negeri Sabah, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang dengan seramai 262 orang responden. Alat kajian yang digunakan berupa soal selidik yang dibentuk oleh kumpulan penyelidik sendiri iaitu Skala Kerja Sosial Pengurusan Bencana di PPS (SKSPB- PPS). Alat kajian ini terdiri daripada Bahagian (A) Demografi dan Bahagian (B) Komponen Kerja Sosial Pengurusan Bencana yang mengandungi 7 komponen. Soal selidik diberikan secara atas talian untuk memudahkan mangsa mengisi borang berkenaan. Taburan Demografi mendapati aspek jantina menunjukkan dominasi lelaki yang paling ramai mendapatkan perlindungan di PPS

¹Penulis Koresponden: laila@ums.edu.my

iaitu melebihi 54 orang berbanding responden wanita. Kebanyakan responden bekerja sebagai kakitangan kerajaan. Kaum yang paling ramai terlibat dalam kajian ini adalah Bumiputera Sabah, diikuti oleh kaum Melayu dan seterusnya adalah dalam kalangan Bumiputera Sarawak. Selain itu, responden yang telah berkahwin mencatatkan bilangan yang paling ramai iaitu lebih daripada separuh responden kajian berbanding responden yang bujang atau berstatus dudu, janda atau balu. Kebanyakan mangsa ditempatkan di PPS seperti Dewan Masyarakat dan juga sekolah yang diwartakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Manakala jenis bencana yang dialami adalah bencana banjir, diikuti dengan bencana kebakaran, angin dan ribut serta bencana tanah runtuh.

Kata kunci: Profil demografi, lokasi, jenis bencana. Pusat Pemindahan Sementara

PENDAHULUAN

Bencana bukan lagi satu terpaan fenomena yang mengejutkan. Perubahan cuaca dunia ekoran kepesatan pembangunan tanpa keseimbangan alam menyebabkan hampir setiap pihak sekarang ini meletakkan kewaspadaan langkah perlindungan dan sokongan sebelum berlakunya bencana alam. Banjir besar, tanah runtuh, kebakaran, gempa bumi adalah di antara bencana yang memancing perhatian jabatan meteorologi dan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di pelbagai negara agar peka dengan amaran-amaran yang memungkinkan bencana kerana kesannya boleh menjangkau kepada kehilangan nyawa dan bukan sekadar menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar (Arahan MKN No. 20, Semakan Semula 2012, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana).

Sebahagian besar negeri-negeri di negara ini tidak terlepas daripada menerima kejadian bencana banjir besar terutama sekali negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang yang sudah biasa dengan fenomena banjir pada musim tengkujuh setiap tahun (Ishak et al., 2014). Keadaan ini menunjukkan bahawa negeri-negeri di Pantai Timur berisiko tinggi terdedah dengan kejadian bencana banjir (Tuan Pah Rokiah, et al., 2014). Laporan NADMA, 2018 pula mendapati Johor merupakan negeri paling kerap mengalami bencana dengan 17 kejadian yang melibatkan 4,335 keluarga dengan 5,138 mangsa keseluruhan. Manakala, Sabah merupakan negeri ketiga paling kerap terdedah kepada bencana di Malaysia terutama kejadian-kejadian banjir dan juga gegaran-gegaran gempa bumi. Bagi 2018, Sabah mengalami 14 kes kejadian bencana yang melibatkan 491 keluarga dengan mangsa keseluruhan seramai 1,359 orang. Dilaporkan juga Pahang merupakan negeri keempat paling kerap terdedah kepada bencana dengan 4,069 keluarga dan 14,853 mangsa.

Statistik tersebut memberi satu gambaran akan perlunya inisiatif dilakukan bagi

membantu mangsa bencana yang perlu diberi perlindungan oleh kerajaan. Tentunya perlindungan dan bantuan yang disalurkan kelak kepada mangsa bencana perlu bersesuaian dengan faktor demografi mangsa di PPS. Penyediaan fasiliti di PPS ketika ini adalah setakat memenuhi keperluan mangsa dari aspek fisiologi seperti makanan, tempat tidur dan kebersihan. Namun begitu, aspek psikososial masih kurang diambil berat oleh agensi yang berkaitan disebabkan oleh faktor seperti kekurangan tenaga. Selain itu juga, masih kurang kajian empirikal yang memberi tumpuan kepada profil demografi dalam kalangan mangsa bencana di PPS.

ULASAN LITERATUR

Kejadian bencana di Malaysia

Beberapa kejadian bencana yang telah dialami oleh negara menjadi pencetus kepada usaha-usaha proaktif untuk usaha perlindungan dan bantuan kepada mangsa bencana. Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah Agensi Peneraju Utama (*focal point*) iaitu agensi yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menerajui pengurusan Bencana Negara secara keseluruhannya. Sehubungan itu, Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengurusan Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (Pindaan 2018) dikeluarkan sebagai panduan kepada semua pegawai dan kakitangan JKM di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah/Jajahan/Bahagian agar semua tindakan dalam pengurusan bencana dapat dilaksanakan dengan efektif, efisien dan bersistematik. Butiran dalam Perkara 6 merangkumi penstrukturan tugas yang diselaraskan melalui Jawatankuasa, Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian/Negeri/Wilayah Persekutuan menganggotai Jawatankuasa Pengurusan Daerah/Negeri/Pusat sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam memberi bantuan dan pemulihan kepada mangsa bencana.

Dari aspek pengurusan bencana di tempat kejadian mengikut zon, JKM berada di kawasan zon hijau iaitu kawasan penempatan Pusat Pengurusan Media, Pusat Keluarga Mangsa, Pusat Kaunseling, tempat bekalan makanan, tempat mayat, tempat rehat dan Agensi Bantuan dan Pemulihan dan Badan Sukarela. Agensi Bantuan dan Pemulihan merujuk kepada agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bantuan kebajikan, khidmat kaunseling, logistik dan sebagainya dalam pengurusan bencana negara. Peranan JKM dalam kerja-kerja bantuan dan pemulihan di tempat kejadian adalah seperti: 1) menyediakan dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana; 2) menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana; 3) menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan; dan 4) memberi bimbingan, nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana (Arahan MKN No. 20, Semakan Semula, 2012).

Sepanjang tahun 2018, Pusat Kawalan Bencana Negara (*National Disaster Command Center*, NDCC) telah merekodkan sebanyak 110 kejadian bencana yang berlaku di seluruh negara. Sebanyak 66 kejadian atau 60.5% daripadanya adalah banjir, 26 kejadian atau 22.9% daripadanya adalah ribut, 9 kejadian (8.2%) adalah kebakaran dan 3 (2.7%) kejadian adalah tanah runtuh. Walaupun negara terletak di luar garisan Lingkaran Api Pasifik iaitu kawasan aktif gempa dan gunung berapi sebagaimana yang dialami oleh Indonesia dan Filipina, Malaysia juga telah mencatatkan 6 gempa bumi berskala sederhana dan rendah (3.0 – 5.2 skala richter) di daerah Ranau dan Kundasang di Sabah serta daerah Miri di Sarawak. Namun begitu, tiada kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa dilaporkan. Dari segi implikasi terhadap rakyat, 51,106 mangsa daripada 16,847 keluarga telah terjejas akibat daripada pelbagai kejadian bencana yang dicatatkan di atas. Ini adalah bersamaan dengan 0.19% daripada keseluruhan populasi di negara ini. Angka kematian yang dicatatkan adalah seramai 27 orang (Laporan Tahunan NADMA, 2018).

Dari segi bilangan kejadian bencana yang direkodkan, terdapat peningkatan pada tahun 2018 berbanding tahun-tahun sebelum ini. Berdasarkan kekerapan yang dicatatkan kejadian banjir merupakan bencana yang paling kerap berlaku di negara ini dan memberi kesan yang besar berdasarkan bilangan rakyat yang terjejas. Sembilan (9%) peratus kawasan tanah di Malaysia adalah kawasan berisiko banjir dan boleh menjejaskan 4.8 juta penduduk tinggal di kawasan ini. Selain banjir, ribut juga antara bencana yang kerap melanda negara ini. Fenomena ini adalah dipengaruhi oleh keadaan iklim negara yang mempunyai dua monsun utama iaitu Monsun Barat Daya dan Monsun Timur Laut serta tempoh peralihan monsun yang berlaku di antara dua monsun utama tersebut. Lazimnya, Monsun Timur Laut yang berlaku pada November hingga Mac setiap tahun boleh mengakibatkan kejadian bencana banjir monsun yang memberi implikasi besar kepada negara. Selain daripada itu, negara juga turut terdedah dengan risiko kejadian bencana buatan manusia seperti tanah runtuh dan bencana industri (Laporan Tahunan NADMA, 2018).

Mengikut taburan kejadian bencana mengikut negeri, Johor merupakan negeri paling kerap mengalami bencana dengan 17 kejadian yang melibatkan 4,335 keluarga dengan 5,138 mangsa keseluruhan. Selangor merupakan negeri kedua yang paling kerap dilanda bencana dengan 15 kejadian yang melibatkan 1,057 keluarga dan 3,707 mangsa. Bagi 2018, kejadian banjir dan ribut merupakan kejadian bencana yang paling utama di negeri ini. Sabah merupakan negeri ketiga paling kerap terdedah kepada bencana di Malaysia terutama kejadian-kejadian banjir dan juga gegaran-gegaran gempa bumi. Bagi 2018, Sabah mengalami 14 kes kejadian bencana yang melibatkan 491 keluarga dengan mangsa keseluruhan seramai 1,359 orang. Pahang merupakan negeri keempat paling kerap terdedah kepada bencana dengan 4,069 keluarga dan 14,853 mangsa. Bagi Pahang, kejadian banjir dan ribut merupakan kejadian bencana yang paling utama (Laporan Tahunan NADMA, 2018).

Hujan berterusan dalam tempoh dua hari pada 18 hingga 19 Disember 2021 menyebabkan keseluruhan kawasan dan mukim daerah Kuala Langat mengalami kenaikan air melibatkan 14 kawasan. Situasi keadaan beberapa kawasan di Kuala Langat semakin meruncing apabila ketiadaan liputan internet di beberapa kawasan yang terlibat dengan banjir terutamanya di Bukit Changgang, RTB Bukit Changgang, Taman Langat Murni, Labohan Dagang dan Olak Lempit. Keadaan ini menyukarkan anggota penyelamat dan pasukan sukarelawan untuk menghantar bantuan dan mendapatkan laporan yang lebih terperinci. Kawasan yang paling terjejas adalah di perumahan Bandar Seri Ehsan, Kuala Langat (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Kerangka teoritikal

Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Maslow (1959). Maslow memperkenalkan teori piramid keperluan manusia yang terdiri daripada tahap asas keperluan dan matlamat bagi seseorang individu. Tahap paling bawah adalah tahap fisiologi seperti keperluan kepada makanan dan udara. Tahap kedua ialah keperluan kepada keselamatan. Menurut Maslow, keperluan yang paling atas hanya akan dipenuhi setelah keperluan paling bawah dipenuhi. Tahap ketiga ialah keperluan sosial iaitu keperluan kepada memberi dan menerima kasih sayang. Keperluan keempat ialah keperluan kepada penghargaan terhadap diri sendiri dan menerima penghargaan daripada orang lain. Jika keperluan ini dapat dipenuhi, seseorang akan lebih berkeyakinan. Tahap yang kelima adalah keperluan kepada hasrat diri iaitu kesempurnaan diri. Keperluan ini ialah kebolehan menggunakan sepenuhnya potensi diri dan bakat (Maslow, 1943 dalam Nor Nazimi Mohd Mustaffa et al., 2017). Ini menunjukkan seseorang individu akan berusaha memastikan setiap pencapaian pada setiap tahap awal sebelum beranjak kepada pencapaian seterusnya.

Selaras dengan teori ini, bencana alam yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan cabaran mental menyebabkan mangsa perlu dibantu dan diberi sokongan. JKM dan agensi di PPS yang menyediakan perlindungan dan kepelbagaian bantuan seperti makanan berbungkus, khemah sementara, set sanitari, perubatan, pakaian dan sebagainya adalah antara keperluan-keperluan asas yang diberikan tumpuan. Bukan sekadar itu, JKM juga melalui tenaga profesional seperti pekerja sosial berusaha meningkatkan motivasi untuk kefungsi hidup mangsa bencana dalam aktiviti-aktiviti psikososial yang dijalankan. Antara lain adalah dengan memberi bantuan material, kaunseling dan sokongan kepada masyarakat yang lemah selepas bencana termasuk mereka yang kurang upaya, kanak-kanak, warga emas dengan bantuan terapi psiko emosi kepada individu dan keluarga di tempat perlindungan, membantu keluarga dalam menguruskan pengebumian, mengunjungi rumah mereka yang terjejas dan memberi terapi kepada keluarga mangsa (Yueh, 2003 dalam Sajjad Hussain et al., 2018). Perkhidmatan rujukan yang diberikan oleh pekerja sosial adalah

antara perkhidmatan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) kerana mereka akan mengenalpasti keperluan dan orang yang memerlukan, mengutip derma, mengedar barang makanan dan keperluan harian serta pendaftaran mereka yang terlibat dengan jabatan kerajaan yang berkenaan (Wahlstrom, 2017 dalam Sajjad Hussain et al., 2018).

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui profil demografi mangsa bencana di PPS, mengenalpasti lokasi kejadian bencana, dan mengenal pasti jenis bencana yang kerap dialami oleh mangsa bencana. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik atas talian atau “Google Form” bagi memudahkan responden menjawab di mana sahaja melalui telefon bimbit masing-masing. Sebanyak sembilan (9) aspek demografi dalam soal selidik yang diedarkan antaranya adalah jantina, umur, kaum, tahap pendidikan, dan latar belakang pekerjaan. Responden yang terlibat adalah seramai 262 orang mangsa bencana yang dipilih menggunakan kaedah persampelan mudah. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan IBM SPSS Statistik versi 28.0 untuk mengetahui kekerapan dan peratusan data demografi yang dinyatakan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Profil demografi mangsa bencana di PPS

Keseluruhan 262 mangsa bencana yang tinggal di PPS sewaktu bencana adalah terdiri daripada warganegara Malaysia. Berikut adalah merupakan hasil analisis deskriptif berdasarkan objektif pertama iaitu untuk mengetahui profil demografi mangsa bencana.

Jadual 1 Taburan Demografi Mangsa Bencana di PPS

Aspek Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	158	60.30
Perempuan	104	39.70
Jenis pekerjaan		
Kakitangan kerajaan	117	44.70
Kakitangan Bukan Kerajaan	22	14.10
Bekerja sendiri	86	32.80
Tidak bekerja	37	8.40

Pendapatan		
<RM4850	250	95.40
RM4850-RM10970	11	4.20
RM10971 ke atas	1	0.40
Kaum		
Melayu	123	51.9
Bumiputera Sabah	137	47.3
Bumiputera Sarawak	2	0.8
Status Perkahwinan		
Bujang	29	11.1
Berkahwin	223	85.1
Janda/Duda/Balu	10	3.8
Tahap Pendidikan		
Penilaian Darjah 5/UPSR	22	8.40
SRP/PMR/PT3/LCE	36	13.7
SPM/MCE	114	43.5
STPM/DIPLOMA/HSC	47	17.9
Ijazah/Sarjana/PhD	38	14.5
Lain-lain	5	1.90
Status OKU		
OKU	3	1.10
Bukan OKU	259	98.9
Status Pemilikan Rumah		
Rumah Sendiri	151	57.6
Rumah Sewa	42	16
Rumah Keluarga/Ibu Bapa	68	26
Mertua	1	0.4
Lain-lain		
Status Penduduk Asal		
Penduduk Asal	251	95.9
Bukan Penduduk Asal	11	4.20

Daripada Jadual 1, terdapat sembilan aspek demografi yang telah menjadi tumpuan penyelidikan. Aspek jantina menunjukkan dominasi lelaki yang paling ramai mendapatkan perlindungan di PPS iaitu melebihi 54 orang berbanding responden wanita. Kebanyakan responden yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan turut menerima tempas bencana. Mereka hadir mendapatkan perlindungan di PPS paling ramai berbanding mangsa yang bekerja di sektor bukan kerajaan, bekerja sendiri maupun yang tidak bekerja.

Sementara itu, mangsa yang tergolong di kelompok B40 iaitu dengan gaji kurang dari

RM4850 adalah paling ramai hadir ke PPS. Mereka yang berada di kelompok M40 atau gaji di antara RM4850 hingga RM10970 juga tidak terkecuali cuma bilangannya agak sedikit dibandingkan dengan B40. Sungguhpun golongan T20 mencatatkan jumlah yang paling rendah, tapi itu sudah menunjukkan bahawa bencana boleh dihadapi oleh sesiapa sahaja tanpa mengira sosio ekonomi mangsa.

Responden kaum yang paling ramai terlibat dalam kajian ini adalah Bumiputera Sabah, diikuti oleh kaum Melayu dan seterusnya adalah dalam kalangan Bumiputera Sarawak. Selain itu, responden yang telah berkahwin mencatatkan bilangan yang paling ramai iaitu lebih daripada separuh responden kajian berbanding responden yang bujang atau berstatus dudu, janda atau balu.


Statistik dalam Jadual 1 turut menunjukkan bahawa responden yang mempunyai tahap Pendidikan sehingga sijil SPM/MCE adalah paling ramai di PPS berbanding tahap Pendidikan yang lain. Bagi yang berstatus OKU, JKM tidak mengenyepikan mereka kerana mereka juga layak dilindungi dan diberi bantuan. Hanya sebahagian kecil sahaja responden OKU yang hadir ke PPS berbanding majoriti mereka yang bukan OKU.

Di samping itu, responden yang sebelum ini mempunyai rumah sendiri terpaksa mendapatkan perlindungan di PPS apabila bencana. Responden ini adalah paling ramai jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di rumah sewa, rumah keluarga atau ibu bapa mertua atau mereka yang tinggal di rumah setinggian (lain-lain). Kajian ini juga mendapati kebanyakan responden adalah penduduk asal di kawasan bencana.

Lokasi kejadian bencana


Edaran soal selidik melalui atas talian telah menerima paling ramai responden dalam kalangan penduduk negeri Sabah; iaitu 149 orang atau 56.9 peratus. Ini kemudiannya diikuti oleh bilangan responden dari Terengganu berjumlah 75 orang atau 28.6 peratus. Responden daripada Kelantan adalah yang ketiga tertinggi iaitu seramai 22 orang atau 8.4 peratus. Manakala Selangor dan Pahang masing-masing adalah 8 orang responden dengan nilai peratus yang sama iaitu 3.1 peratus. Para penyelidik menggunakan kaedah snowball iaitu mencari orang tertentu untuk berhubung dengan responden. Dengan itu, perkongsian link akan lebih mudah dan terarah. Secara lebih khususnya, mangsa bencana tinggal di PPS yang disediakan oleh JKM mengikut jenis PPS sebagaimana dalam Rajah carta pie di bawah.

Rajah 1 Lokasi Responden Bencana




Pelbagai tempat PPS telah dibuka oleh JKM bagi menampung keperluan dan jumlah mangsa. Kebanyakan daripada responden iaitu seramai 86 orang responden atau 32.8 peratus telah tinggal di dewan masyarakat. Ini kemudiannya diikuti oleh 78 orang responden atau 29.8 peratus yang tinggal di sekolah yang diwartakan oleh JKM. Pusat-pusat ibadat juga dijadikan tempat PPS dengan 28 orang atau 10.7 peratus responden tinggal di masjid, 11 orang tinggal di gereja atau 4.2 peratus dan 3 orang responden atau 1.1 peratus tinggal di kuil. Manakala responden yang tinggal di lain-lain (bukan disediakan oleh JKM) merujuk kepada tempat seperti stesen keretapi, rumah jiran, rumah saudara, dan membuat pondok sendiri adalah seramai 56 orang atau 21.4 peratus.

Rajah 2 Tempat PPS



Kebanyakan responden yang mendapat perlindungan di PPS adalah terdiri daripada mangsa yang menghadapi bencana banjir. Jumlah mereka adalah sebahagian besar daripada keseluruhan jumlah responden iaitu 67.2 peratus atau 176 orang. Bencana kebakaran pula adalah jenis bencana yang kedua paling ramai dialami oleh responden. Seramai 66 orang atau 25.2 peratus adalah responden yang mengalami bencana ini. Seterusnya adalah responden yang pernah mengalami bencana lain-lain seperti ribut atau angin kencang iaitu seramai 11 orang atau 4.2 peratus. Paling sedikit adalah responden yang mengalami bencana ekoran tanah runtuh iaitu terdiri daripada 9 orang atau 3.4 peratus sahaja.

Rajah 3 Jenis Bencana



KESIMPULAN

Profil demografi kajian ini menunjukkan jantina lelaki lebih ramai berbanding perempuan yang tinggal di PPS. Manakala untuk lokasi, responden ramai daripada negeri Sabah. Hal ini kerana kerjasama daripada mangsa di negeri berkenaan agak memberangsangkan jika dibanding dengan negeri lain. Jenis bencana yang paling banyak dialami oleh responden kajian adalah banjir dan Dewan Masyarakat adalah merupakan yang paling banyak didiami oleh mangsa. Walaupun begitu, terdapat juga mangsa yang memilih untuk tinggal di luar seperti tinggal dengan saudara ataupun membuat pondok sendiri untuk tempat perlindungan sementara. Selain daripada banjir, bencana kebakaran juga menunjukkan peratusan yang agak besar. Bencana ini dialami oleh mangsa di negeri Sabah. Perbezaan emosi adalah yang paling ketara antara dua jenis bencana ini. Hal ini kerana jenis bencana mempengaruhi

kesiapsiagaan setiap mangsa berdasarkan pengalaman yang mereka telah alami. Bencana kebakaran merupakan bencana yang tidak dapat diramalkan. Oleh yang demikian, apabila mangsa berhadapan dengan keadaan tanpa dijangka, sudah tentu emosi akan banyak terganggu disebabkan kehilangan harta benda atau yang paling teruk lagi jika terjadinya kehilangan nyawa. Berdasarkan hasil kajian tentang profil ini, diharapkan pihak - pihak yang berkaitan dapat meneliti dan boleh mengambil jalan penyelesaian sebaik mungkin bagi menaik tarafkan perkhidmatan di masa akan datang.

PENGHARGAAN

Para penulis merakamkan penghargaan kepada Institut Sosial Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Putrajaya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Kelantan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Terengganu dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Pahang.



RUJUKAN

- Ishak, Noor Syamimi, Mohamed Dali & Azharuddin. (2014). *Banjir Besar 1926 di Semenanjung Malaysia*. 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA 2014). Kedah: Alor Setar.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2010). *Piawaian Kompetensi Kebangsaan Praktis Kerja Sosial di Malaysia*. Diakses daripada <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=YSt4Y3ZReHlxZkloUUxsU0h3MU4zQT09>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Bencana Banjir Kuala Langat: Angka dan Fakta*. (Dipetik 21 Oktober 2022). Boleh didapati siri 56. <https://www.dosm.gov.my/>
- Laporan Tahunan NADMA. (2018). *Agensi Pengurusan Bencana Negara*. Jabatan Perdana Menteri.
- Majlis Keselamatan Negara. (2012). *Arahan No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara (Semakan Semula)*. Jabatan Perdana Menteri.
- Nor Nazimi Mohd Mustaffa, Jaffary Awang, & Aminuddin Basir. (2017). Teori Maslow dan kaitannya dengan kehidupan Muslim. *Jurnal Hadhari*, 9 (2), 275-285.
- Sajjad Hussain, Muhammad Ibrar, & Hamid Alam. (2018). Social Work Profession and Disaster Risk Reduction in Pakistan. *Pakistan Journal of Applied Social Sciences*, 7, 29-41.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Baharum Mohamed & Hamidi Ismail. (2014). *Kesediaan kognitif menghadapi banjir bagi meminimumkan kemusnahan dan kehilangan nyawa*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKUM ke-9). Kedah: UUM.